

**Keputusan PAS Pusat Tidak Sokong Abdul Khalid Dianggap Relevan - Exco PAS Selangor**  
**Bernama**  
**August 17, 2014**  
**Oleh Siti Aisyah Harun**

SHAH ALAM, 17 Ogos (Bernama) -- Anggota Exco kerajaan Selangor dari PAS hari ini berpendapat bahawa keputusan parti itu yang tidak lagi menyokong pentadbiran Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sebagai relevan bagi memastikan pakatan pembangkang terus memerintah negeri maju itu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri Dr Ahmad Yunus Hairi berkata pendirian terbaharu itu dibuat demi memastikan hubungan PAS dengan pakatan pembangkang terus kukuh seperti mana yang diperjuang sebelum ini.

Menyifatkan pentadbiran Abdul Khalid di Selangor adalah baik, Dr Ahmad Yunus berkata mandat yang diberikan rakyat kepada kepimpinan negeri adalah di bawah Pakatan Rakyat (PR) dan bukan calon Bebas.

"Saya terpaksa akur dengan segala pendirian parti walaupun perkhidmatan di bawah pentadbiran Abdul Khalid sebelum ini berjalan dengan lancar," katanya ketika dihubungi Bernama di sini.

Katanya, sebelum ini mereka menyokong Abdul Khalid kerana Menteri Besar itu masih anggota Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan sokongan itu hilang apabila beliau dipecat.

"Jadi keputusan terbaharu PAS pusat itu, pada saya adalah tepat demi memastikan kelangsungan pimpinan PR di Selangor," katanya ketika dihubungi Bernama di sini hari ini.

Sementara itu, Pengerusi Hal Ehwal Islam, Permodenan Pertanian dan Pembangunan Desa, Sallehen Mukhyi pula berkata walaupun PAS mengubah pendirian daripada menyokong kepada tidak menyokong pentadbiran Abdul Khalid, namun ia dilakukan atas prinsip parti yang diperjuang sebelum ini.

"Pada saya, keputusan PAS Pusat adalah mengikut tertib yang betul dalam menukar kepimpinan malah saya rasa ia (keputusan) dibuat bagi mengelakkan pertembungan dalam Pakatan Rakyat itu sendiri di samping meyakinkan rakyat bahawa PAS tidak akan sesekali mengkhianati PR," katanya.

Pimpinan tertinggi PAS dalam satu mesyuarat khas hari ini membuat pendirian mengelirukan apabila mengumumkan tidak menyokong lagi kepimpinan Abdul Khalid sebagai Menteri Besar Selangor.

Namun, dalam masa sama, PAS mengarahkan empat anggota Exco daripada parti itu untuk kekal dalam pentadbiran kerajaan negeri pimpinan Abdul Khalid.

PAS mencalonkan dua nama iaitu Presiden PKR Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Timbalannya, Mohamad Azmin Ali sebagai calon menteri besar yang baharu bagi menggantikan Abdul Khalid.

Keputusan sebulat suara itu dibuat selepas mesyuarat khas Jawatankuasa Kerja PAS Pusat, sekali gus menggugurkan sokongan parti itu sebelum ini terhadap Abdul Khalid.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1061103>